

# 3 RINGKASAN EKSEKUTIF

---

## Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

---

- ✓ Menyatakan pengertian ringkasan eksekutif
  - ✓ Menjelaskan keunikan ringkasan eksekutif
  - ✓ Mengenal pasti maklumat-maklumat ringkasan eksekutif
  - ✓ Menyenaraikan ciri-ciri ringkasan eksekutif yang mantap
- 

### 3.1 MAKSUD RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan eksekutif ialah rumusan kepada rancangan perniagaan. Ia adalah bahagian yang paling ringkas tetapi padat menceritakan mengenai rumusan keseluruhan isi rancangan perniagaan.

### 3.2 KEUNIKAN RINGKASAN EKSEKUTIF

Terdapat beberapa keunikan ringkasan eksekutif yang membezakan ia dengan komponen-komponen rancangan perniagaan yang lain. Antaranya ialah:

**i. Kedudukan Susun Atur**

Mengikut kedudukan, ringkasan eksekutif perlu disusun di bahagian paling hadapan rancangan perniagaan. Ringkasan eksekutif akan menjadi komponen pertama rancangan perniagaan yang akan diselak dan dibaca sebelum diikuti komponen-komponen lain seterusnya.

**ii. Waktu Menulis Ringkasan Eksekutif**

Walaupun kedudukan ringkasan eksekutif adalah di permulaan, namun ia adalah bahagian yang paling akhir harus ditulis setelah komponen-komponen lain disiapkan terlebih dahulu.

**iii. Bahagian yang Paling Ditumpukan Pembaca**

Ringkasan eksekutif adalah bahagian yang paling awal dibaca oleh pembaca dan akan mempengaruhi penilaian terhadap keseluruhan isi rancangan perniagaan tersebut.

Ringkasan eksekutif yang mantap akan mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaan, manakala ringkasan eksekutif yang teruk pula akan menyebabkan pembaca hilang tarikan membaca dan proposal ini akan ditolak mentah-mentah oleh mereka.